

18/03/2005

Tuntutan melampau jejas usaha capai Wawasan 2020

Oleh Abd Rahman Sulaiman

WAWASAN 2020 meramalkan pada tahun itu Malaysia akan menjadi negara bersatu padu dengan rakyat berkeyakinan; mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh; hidup dalam masyarakat demokratik, liberal, penyayang; adil dan saksama dari segi ekonomi, progresif dan makmur serta menguasai ekonomi yang kompetitif, dinamis, kukuh dan berdikari.

Untuk mencapai cita-cita itu - negara maju menurut acuan sendiri - rakyat Malaysia perlu mengatasi sembilan cabaran strategik yang mereka hadapi sejak negara mencapai kemerdekaan pada 1957.

Cabaran pertama yang perlu disahut ialah mewujudkan negara Malaysia yang mempunyai satu hala tuju dan dikongsi bersama.

Negara yang dimaksudkan ialah aman dan berpadu sepenuhnya dari segi wilayah serta kumpulan etnik yang hidup dalam suasana harmoni serta perkongsian adil dan penuh sebagai satu bangsa Malaysia yang kesetiaan politik dan dedikasi masing-masing hanya kepada Malaysia.

Cabaran kedua, ketiga, keempat dan kelima berhubung kait dengan pembentukan masyarakat yang bebas dari segi psikologi, pemupukan demokrasi yang matang dan boleh dicontohi negara lain, pembentukan masyarakat yang bermoral tinggi dan beretika dengan rakyat berpegang kuat kepada nilai agama dan kerohanian serta keperluan mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi tanpa mengira warna kulit atau keturunan dan bebas mengamalkan adat istiadat, budaya dan kepercayaan agama masing-masing.

Cabaran keenam, ketujuh, kelapan dan kesembilan menekankan keperluan membentuk masyarakat yang berorientasikan sains dan progresif serta inovatif dan berpandangan jauh; pembentukan budaya penyayang; keperluan mewujudkan masyarakat yang adil dari segi ekonomi serta pembentukan sebuah negara makmur yang ekonominya kompetitif, dinamis, kukuh dan boleh berdikari.

Pada asasnya, wawasan yang diilhamkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu merangkumi prinsip, falsafah, formula dan kontrak sosial yang dipersetujui pemimpin pengasas negara yang mewakili pelbagai kaum sebagai landasan pembentukan Negara Bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Sesungguhnya, prinsip, falsafah, formula dan kontrak ini menjadi teras untuk merumuskan beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan pelbagai dasar nasional seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rukunegara dan Wawasan 2020.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi serta Islam sebagai agama rasmi negara termaktub dalam perlembagaan. Perlembagaan yang sama juga menjamin hak kaum bukan Melayu mempelajari bahasa ibunda, mengamalkan kebudayaan dan berpegang kepada kepercayaan agama masing-masing.

Ini sebenarnya prinsip dan amalan yang dipegang dalam proses pembinaan negara sejak merdeka 47 tahun lalu. Prinsip dan pegangan ini diterima secara menyeluruh oleh sebahagian besar rakyat negara ini yang tentu ingin melihat Malaysia kekal menjadi negara aman, berpadu dan suatu hari nanti menjelma sebagai negara maju mengikut acuannya sendiri.

Walaupun mungkin ada sebilangan kecil rakyat yang tidak setuju, mereka akur dengan kehendak majoriti selaras amalan demokrasi. Logiknya, suasana harmoni kekal berterusan atau sekurang-kurangnya sehingga menjelang fajar

2020 apabila setiap orang boleh bergembira merayakan kemunculan Malaysia sebagai negara maju.

Bagaimanapun, logik tidak semestinya menggambarkan realiti. Dari semasa ke semasa, kedengaran juga suara sumbang yang tidak berpuas hati dengan apa yang ada dan menuntut supaya diberikan lebih lagi. Perkara yang sering menjadi tumpuan ialah soal ekonomi dan pelajaran.

Orang Melayu dan kaum minoriti Bumiputra lain yang masih ketinggalan jauh dalam bidang ekonomi di sebalik usaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan taraf mereka di bawah DEB dan kaum India menumpukan tuntutan kepada soal ekonomi.

Masyarakat Cina yang pencapaian ekonomi mereka jauh lebih tinggi daripada kaum lain, memfokuskan tuntutan mereka terhadap bidang pendidikan, khususnya pendidikan Cina. Isu pendidikan Cina tidak pernah reda sejak negara mencapai kemerdekaan. Kalau pun tidak dihebohkan dalam media, tidak bermakna isu ini dilupakan.

Pada tahun pasca kemerdekaan, isu itu diperjuangkan oleh guru sekolah persendirian Cina. Apabila sekolah itu menerima Dasar Pelajaran Kebangsaan, isu berkenaan reda seketika. Tetapi tidak lama.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, perjuangan memartabatkan pendidikan Cina dipelopori pula parti pembangkang seperti DAP, badan bukan kerajaan, media dan seumpamanya.

Pada 2002, saya pernah mengetuai rombongan Ketua Pengarah akhbar Cina tempatan menemui Dr Mahathir, Perdana Menteri ketika itu kerana mereka mahukan jaminan pemimpin tertinggi kerajaan bahawa kerajaan tidak akan menukar status Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina sewenang-wenangnya.

Sebelum itu, jaminan serupa diberikan Ketua Pengarah Pendidikan (Pelajaran), Tan Sri Rafie Mahat dan Menteri Pendidikan (Pelajaran) ketika itu, Tan Sri Musa Mohamad.

Satu taklimat mengenai peruntukan Akta Pendidikan yang memberi perlindungan undang-undang kepada SJK juga diberikan. Bagaimanapun, mereka tidak percaya kepada peruntukan undang-undang dan jaminan menteri serta pegawai kanannya dan berkeras mahu menemui Perdana Menteri.

Satu daripada soalan yang dikemukakan kepada Dr Mahathir pada pertemuan itu ialah kenapa kerajaan tidak membenarkan lebih banyak SJK Cina didirikan di negara ini? Jawapan Dr Mahathir pendek dan tegas: "Sebab negeri ini bukan negeri China." Semua yang hadir terpegun dengan jawapan itu. Dr Mahathir seterusnya menjelaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya negara bukan Republik Rakyat China yang bukan saja membenarkan secara rasmi kewujudan sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Cina, tetapi juga menghulurkan bantuan kepada sekolah berkenaan.

Selepas pertemuan itu, akhbar berbahasa Cina tempatan tidak lagi memainkan berita mengenai tuntutan berbau perkauman, terutama berkaitan pendidikan yang dikeluarkan oleh pertubuhan tertentu.

Bagaimanapun, ketenangan ini hanya sementara. Kini isu sama timbul lagi. Kali ini ia dikemukakan komponen Barisan Nasional (BN) sendiri iaitu MCA.

Seperti yang dilaporkan, parti itu akan mengemukakan memorandum meminta kerajaan menambah SJK Cina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang kini dalam perancangan.

Memorandum itu juga menuntut bantuan tambahan diberikan kepada semua sekolah Cina, termasuk sekolah menengah persendirian dan penambahan guru di sekolah Cina.

Ada pihak yang mendakwa tuntutan itu tiada kena mengena dengan soal perkauman, sebaliknya bertujuan menyediakan tempat melatih guna tenaga masa depan negara.

Seperti yang dijelaskan awal tadi, tuntutan berhubung kedudukan sekolah Cina bukan baru.

Apa yang berbeza dalam tuntutan kali ini ialah ia dibuat melalui saluran rasmi oleh parti komponen BN yang secara langsung terbabit dalam proses perumusan dasar asal negara. Ini memberi dimensi yang berbeza dengan tuntutan yang pernah dimajukan pertubuhan lain. Jika benar tuntutan itu dikaitkan dengan keperluan penyediaan guna tenaga negara untuk masa depan, sekali lagi ia mencetuskan dimensi baru.

Secara asasnya tuntutan MCA itu membawa kesan yang sungguh mendalam terhadap falsafah kewujudan Malaysia, terutama dari segi memperjuangkan apa yang disebut dalam Wawasan 2020 sebagai a common and shared destiny.

Tuntutan ini juga bercanggah dengan peruntukan Akta Pendidikan Negara yang menghadkan bilangan SJK kepada yang sedia ada dan sekali gus mencabar Dasar Pendidikan Kebangsaan yang antara lain menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah Malaysia.

Jika permintaan ini dipenuhi, ia secara langsung menganjak dasar yang dibentuk oleh pengasas negara. Pada masa sama, ia seolah-olah menzahirkan pernyataan tidak percaya kepada dasar negara yang sama-sama didukung oleh parti itu.

Jika benar tuntutan itu ada kaitan dengan keperluan menyediakan guna tenaga masa depan, maka ia juga pernyataan tidak percaya kepada sistem sekolah kebangsaan sekarang. Dengan kata lain, sistem sekolah kebangsaan dikira tidak mampu melahirkan guna tenaga yang diperlukan pasaran.

Walaupun tidak dinyatakan secara nyata, hujah ini mungkin ada kaitannya dengan kemajuan ekonomi yang dinikmati China. Ramai kaum Cina, termasuk di Malaysia yang menganggap kemajuan China ada kaitan dengan budaya, bahasa dan cara hidup yang mereka amalkan.

Golongan ini beranggapan bahawa ciri itu hanya boleh dipupuk melalui sistem pendidikan yang 100 peratus Cina. Itu sebabnya mereka tidak boleh menerima sistem yang bercampur aduk seperti yang cuba diterapkan melalui konsep Sekolah Wawasan atau pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan.

Apa pun alasan yang diberikan, tuntutan itu tetap dianggap melampau kerana ia 'melampaui' dasar yang sudah dipersetujui. Jika dipenuhi bermakna dasar sedia ada diubah prinsipnya, maka tindakan itu sama dengan membawa negara undur semula ke belakang atau balik ke ground zero.

Ini bukan saja akan membantutkan proses pembinaan bangsa, tetapi juga menjejaskan usaha yang sudah dilaksanakan selama ini. Bagaimanapun, ini tidak bermakna semua dasar sekarang tiada cacat-celanya dan tidak boleh dipinda.

Pembetulan dasar memang berlaku selama ini untuk memperbaiki kelemahan dari semasa ke semasa. Usaha untuk memperkasakan Sekolah Kebangsaan, penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik, penghapusan sistem kuota untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi dan pengambilan pelajar bukan Bumiputera untuk memasuki Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) adalah sebahagian daripada langkah pembetulan yang sudah diambil.

Ini semua tidak membabitkan pertukaran dasar seperti yang cuba dimajukan oleh cadangan MCA itu.

Seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, penambahan SJK Cina dan Tamil akan menjurus kepada kemunculan dua aliran berasingan dalam sistem pendidikan negara. Ini tidak akan membantu usaha menyatupadukan rakyat pelbagai kaum.

"Mesej saya amat jelas - anak kita mestilah mempunyai masa untuk bersama. Inilah strategi terbaik ke arah itu," katanya ketika mengulas tuntutan itu.

Abdullah ketika menolak tuntutan MCA itu menegaskan kerajaan tidak boleh mewujudkan satu cabang aliran lain yang boleh menjadi 100 alternatif dalam sistem pendidikan negara.

Katanya, kalau ini berlaku rakyat Malaysia akan 'bergerak atas landasan

yang selari tetapi tidak pernah bertemu'.

Sesungguhnya, dalam ketegasan beliau menolak tuntutan melampau ini, Perdana Menteri bukan saja cuba melindungi masa depan Malaysia, tetapi juga mempertahankan amanah yang ditinggalkan oleh pemimpin pelopor negara.

\* Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama. Beliau pernah dipilih sebagai Ketua Umno Bahagian selama dua penggal dan Ahli Parlimen Parit Buntar selama sepenggal. E-mel rahmansulaiman@yahoo.com

(END) Source : Berita Harian